

KENYATAAN MEDIA

16 OGOS 2018

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Terbitkan Dua Lagi Buku Berkaitan Industri Tenaga**

**Putrajaya, 16 Ogos** – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini menerbitkan dua lagi buku berkaitan industri tenaga iaitu Maklumat Prestasi dan Statistik Industri Pembekalan Elektrik di Malaysia 2016 dan Laporan Prestasi Keselamatan Elektrik 2016.

Bahagian pertama Buku Maklumat Prestasi dan Statistik Industri Pembekalan Elektrik di Malaysia 2016 mengandungi data-data penting berkaitan penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Malaysia. Dalam bahagian kedua pula, prestasi industri pembekalan elektrik dipaparkan dalam bentuk carta dan jadual. Buku setebal 140 mukasurat ini turut memuatkan Laporan Prestasi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nur Generation Sdn Bhd dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), maklumat tarif-tarif elektrik serta peta lokasi stesen-stesen jana kuasa utama di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Laporan Prestasi Keselamatan Elektrik 2016 pula merupakan sebuah rujukan lengkap mengenai prestasi keselamatan elektrik di Semenanjung Malaysia dan Negeri Sabah. Laporan yang mengandungi 138 halaman ini memuatkan aspek-aspek berkaitan keselamatan elektrik termasuk statistik kemalangan elektrik, kekompetenan elektrik, pentauliahan dan audit institusi, pendaftaran pepasangan elektrik, kelengkapan elektrik serta aktiviti penguatkuasaan dan tindakan perundangan. Ia turut memaparkan maklumat mengenai tips-tips keselamatan elektrik, ringkasan kes-kes kemalangan elektrik termasuk punca-punca kejadian serta lokasi kemalangan.

Kedua-dua buku ini merupakan penerbitan komprehensif yang diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh orang ramai termasuk pembuat polisi, organisasi awam dan swasta, golongan pengajar serta pelajar.

Buku ini juga boleh didapati di laman web ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliaty Mali*

*Unit Promosi & Komunikasi*

*Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliaty)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my)/[zairulliaty@st.gov.my](mailto:zairulliaty@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.